



جَابَاتُونْ مُفْتِي نَجَارِي قَاهْمَعْ

TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 05/2025



**“CABARAN KESELAMATAN DALAM MENGIMBANGI TEKNOLOGI
DAN KELASTARIAN ALAM”**
2 MEI 2025 | 4 ZULKAEDAH 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ
يَهْدِي اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَا بَعْدُ، فِيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِي نَفْسِي وَإِيَّاكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. فَاتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ
تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Marilah bersama-sama kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala titah perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Bersempena Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia Tahun 2025 tajuk khutbah pada hari ini ialah: **“Cabaran Keselamatan Dalam Mengimbangi Teknologi dan Kelastarian Alam”**.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Allah Taala telah menciptakan alam ini dengan sangat indah, sempurna dan seimbang. Kehidupan manusia menjadi sejahtera dan makmur kerana alam ini dapat menyediakan tempat tinggal, makanan, minuman, pakaian dan keperluan-keperluan asas lain buat mereka untuk hidup sebagai khalifah di muka bumi ini. Firman Allah Taala di dalam surah Ali Imran, ayat 190:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخْتِلَافِ الَّيلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لَّا يُؤْلِي إِلَّا لَبِبٍ ۝

Yang bermaksud: “Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal.”

Sehubungan dengan itu, alam ini merupakan ciptaan Allah SWT yang menjadi suatu amanah dan tanggungjawab. Ia juga merupakan bentuk syukur kepada Allah SWT yang telah mencukupkan keperluan kita dengan anugerah alam dan nikmat berteknologi yang memudahkan urusan manusia di dunia ini.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah Taala ,

Di era teknologi dan digital, kita perlu menguasai teknologi dan memahami risiko yang datang bersamanya agar kita dapat mencari solusi terbaik bagi menghadapi cabaran ini. Kemajuan teknologi membawa manfaat besar, tetapi ia juga menuntut kita untuk lebih berhati-hati dan bijak dalam menggunakannya. Ia bukan sahaja



membawa kemudahan tetapi juga memerlukan adaptasi pantas daripada masyarakat khususnya kepada pasukan penyelamat untuk menghadapi kemungkinan yang lebih rumit dan berbahaya.

Sebagai contoh, kenderaan elektrik dan panel solar walaupun memberikan manfaat besar kepada alam sekitar, kebakaran peralatan tersebut tidak dapat dipadam dengan kaedah biasa semata-mata. Ia memerlukan pemahaman mendalam tentang teknologi tersebut dan kaedah khas bagi memastikan pemadaman yang berkesan dapat dilakukan. Tanpa ilmu dan latihan yang mencukupi, usaha menyelamat boleh menjadi lebih berisiko kepada anggota bomba dan masyarakat yang membantu. Oleh itu pasukan penyelamat perlu sentiasa menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi bagi memastikan keselamatan anggota bomba serta masyarakat umum.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Begitu juga dengan tanggungjawab menjaga kelestarian alam ini sebagai tempat berteduh sementara yang sejahtera kepada umat, kita melihat berlakunya banyak pencabulan terhadap alam sekali gus mengundang kejadian bencana alam yang besar seperti tanah runtuh, banjir besar, kebakaran hutan dan tanah gambut, pemanasan global dan lain-lain di serata dunia yang menyebabkan kerugian yang besar seperti kehilangan nyawa manusia, kepupusan flora dan fauna dan pelbagai lagi masalah.

Allah SWT berfirman dalam surah al-Rum, ayat 41:

ظَاهِرُ الْفَسَادِ فِي الْأَرْضِ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقُهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ

يَرْجِعُونَ

Yang bermaksud: “*Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan buruk yang mereka telah lakukan.*”

Kerakusan, kecuaian dan sikap tamak manusia membawa kesan buruk terhadap alam dan generasi yang akan datang. Oleh yang demikian, kita hendaklah segera memainkan peranan bersama dengan mengamalkan penjagaan alam, menjaga keseimbangan ekosistem, cermat dan tidak melakukan pembaziran sumber alam. Tingkatkan kesedaran diri mengenai amanah Allah Taala kepada kita supaya memelihara alam untuk kelangsungan generasi yang akan datang. Perkara ini tidak boleh dipandang ringan kerana terdapat peringatan dalam hadis riwayat Imam Abu Daud, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“*Sesiapa yang menebang pokok bidara maka Allah akan benamkan kepalanya di dalam neraka*”

Sheikh Al-‘Azim Abadi di dalam kitabnya ‘Aunul Ma’bud ketika mensyarahkan hadis ini mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan pokok bidara adalah kerana ia teduh dan dapat diambil manfaat oleh manusia dan haiwan untuk berlindung di bawahnya. Perbuatan menebangnya akan menzalimi hak-hak makhluk lain.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Hampir setiap hari kita mendapat berita mengenai kejadian kemalangan, kecelakaan, kebakaran, kepala air dan pelbagai lagi insiden yang meragut nyawa. Kemalangan dan musibah itu berlaku selalunya disebabkan oleh kelalaian manusia. Kita seharusnya mengambil pengajaran daripada peristiwa yang berlaku



tersebut dengan mengambil langkah untuk mengelakkan ianya berulang. Kesedaran untuk mengutamakan keselamatan dan melaksanakan usaha-usaha pencegahan bagi mengelak bencana dan kemusnahan mestilah dipupuk kepada setiap lapisan masyarakat bermula daripada golongan kanak-kanak sehingga ke dewasa.

Pada tahun 2022, Dasar Kebombaan dan Penyelamatan Negara 2030 telah dilancarkan bagi memastikan semua pihak sentiasa berganding bahu dalam membangunkan kefahaman, kesedaran serta pembudayaan amalan keselamatan awam yang baik. Jika semua pihak mengambil berat mengenai tanggungjawab dan amanah ini pastinya setiap usaha dan kempen akan berjaya dilaksanakan dengan izin dan pertolongan Allah SWT.

Mengakhiri khutbah, hayati beberapa kesimpulan sebagai renungan kita bersama:

Pertama: Alam adalah anugerah daripada Allah SWT yang tidak ternilai. Laksanakan amanah sebagai khalifah dengan memelihara, menjaga dan mengekalkan keseimbangan alam ini.

Kedua: Memahami dan bersedia dalam menghadapi risiko baharu yang menuntut kita untuk lebih berhati-hati dan mengadaptasi sebarang kemungkinan yang lebih rumit dan berbahaya.

Ketiga: Tingkatkan kewaspadaan dan mengambil perhatian yang serius terhadap aspek keselamatan bagi mencegah daripada berlakunya kemalangan, kebakaran dan pelbagai insiden yang boleh meragut nyawa.

Empat: Kita hendaklah turut sama membantu pihak berwajib khususnya dalam merealisasikan Dasar Kebombaan dan Penyelamatan Negara 2030 (DKPN) dalam



melahirkan masyarakat yang peka dan responsif terhadap persekitaran dan keselamatan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

وَمَا أَصَبَّكُمْ مِنْ مُصِيبَةٍ فِيمَا كَسَبَتُ أَيْدِيهِ وَيَعْقُوا عَنْ كَثِيرٍ^{٣٠} وَمَا أَنْتُمْ
بِمُعْجِزِينَ فِي الْأَرْضِ وَمَا لَكُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ^{٣١}

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.